

1. NOTIS PENUTUPAN EMPANGAN SEDIADA

Tapak Pembinaan Empangan Baru (lembah sebelah kiri) telah diserahkan kepada kontraktor pada **1hb Ogos 2011** untuk kerja-kerja pembinaan empangan baru dalam kerja Peringkat 1.

Memandangkan kerja-kerja pembinaan empangan Peringkat 2 akan bermula pada awal 2014, mulai **1hb Februari 2014**, Empangan sediaada akan ditutup kepada orang ramai dan diserahkan kepada kontraktor untuk kerja-kerja pembinaan bagi tujuan peninggian empangan sediaada selama 30 bulan sehingga 31hb Julai 2016.

Dalam tempoh pembinaan, Jalan Berapit dan Jalan Sg Lembu akan kerap digunakan oleh kontraktor untuk laluan kenderaan berat dan jentera pembinaan.

Justeru itu, orang ramai dinasihatkan supaya memberi perhatian serius kepada tanda papan lalulintas serta berwaspada terhadap keadaan trafik semasa melalui jalan tersebut.

2. OBJEKTIF PROJEK

Projek ini bertujuan untuk meningkatkan rezab simpanan sumber air mentah bagi kegunaan negeri

Pulau Pinang di musim kemarau dengan (i) meningkatkan kapasiti takungan daripada 22 juta meter padu kepada 73.5 juta meter padu; dan (ii) meningkatkan kapasiti penyaluran air mentah daripada 300 juta liter sehari kepada 1,000 juta liter sehari.

3. SKOP KERJA

Membina empangan baru (47m tinggi dan 2km panjang) di lembah sebelah kiri empangan sediaada dan meninggikan empangan sebanyak 11m serta kerja-kerja berkaitan.

4. JADUAL PEMBINAAN


Pembinaan empangan dilaksanakan dalam dua peringkat:-

PERINGKAT 1 - Dari 1hb Ogos 2011 hingga 31hb Januari 2015 (42 BULAN)

Pembinaan Empangan Baru (lembah sebelah kiri) telah diserahkan kepada kontraktor dan kerja-kerja pembinaan empangan baru sedang dijalankan.

PERINGKAT 2 – Dari 1hb Februari 2014 hingga 31hb Julai 2016 (30 BULAN)

Kerja peninggian Empangan sediaada dijadualkan akan bermula dari 1hb Februari 2014.



5. TEMPOH PROJEK

Keseluruhan kerja-kerja pembinaan akan mengambil masa 60 bulan dan dijangka siap pada 31hb Julai 2016.

6. AGENSI PELAKSANAAN

Jabatan Bekalan Air,
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan
Air (KeTTHA) Malaysia

7. NOMBOR TELEFON UNTUK DIHUBUNGI

Untuk pertanyaan atau aduan orang ramai semasa Projek Pembesaran Empangan Mengkuang dijalankan, sila hubungi :-

Pegawai Penguasa:

Ketua Pengarah, Jabatan Bekalan Air

(Tel: 03-8883 6321)

Pengarah Projek:

Pengarah,

Bahagian Pengurusan Projek, Jabatan Bekalan Air

(Tel: 03-8883 6366)

Jurutera Perunding / Wakil Pegawai Penguasa:

Angkasa Consulting Services Sdn. Bhd.

(Tel: 03-5632 8899)

Kontraktor:

China International Water & Electric Corp. (M) Sdn.

Bhd. (Tel: 04-5211643)

Pihak Kementerian mengucapkan jutaan terima kasih atas kesabaran tuan/puan serta memohon maaf di atas segala kesulitan yang dialami.

**SEGALA KESULITAN YANG DIHADAPI SEPANJANG
TEMPOH PEMBINAAN AMATLAH DIKESALI.**

"Air Itu Anugerah Tuhan"



KERAJAAN MALAYSIA

**PROJEK PEMBESARAN EMPANGAN
MENGKUANG, PULAU PINANG**

**NOTIS PENUTUPAN KAWASAN EMPANGAN
SEDIADA KEPADA ORANG RAMAI**



Air Itu Anugerah Tuhan

